

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Perak)

TARIKH: 31 DISEMBER 2017

M/S : 43

## Anggota bomba meninggal dunia ketika bertugas

IPOH – Seorang anggota bomba meninggal dunia selepas dilaporkan tidak sedarkan diri ketika berada di Pos Bomba (Fire Post) di Jalan Kampar, pagi, semalam.

Dalam kejadian sekitar jam 4.30 pagi itu, Azaman Abd Aziz, 50, dari Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh hadir ke Pos Bomba terbabit bagi mengikuti operasi menyelamatkan kebakaran rumah kedai di Jalan Tawas Damai, Anjung Tawas Impiana, di sini.



AZAMAN

Pengarah Bomba dan Penyelamat Perak, Datuk Yahaya Madis berkata, anggota terbabit yang juga pemandu jentera unit Fire Rescue Tender (FRT) secara tiba-tiba rebah tidak sedarkan diri ketika hendak menghadiri panggilan kecemasan.

Katanya, mangsa kemudiannya dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh dan ditempatkan di wad kecemasan hospital terbabit.

“Bagaimanapun Allahyarham disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan hospital pada jam 5.05 pagi tadi (semalam).

“Fire post itu baru sahaja mula beroperasi pada malam tadi (kelmarin) dan ia diwujudkan di kawasan strategik yang jauh dari balai bomba utama,” katanya.

Dalam pada itu, anggota bomba menerima panggilan pada jam 4.25 pagi memaklumkan berlaku kebakaran melibatkan sebuah rumah kedai tiga tingkat.

Yahaya berkata, kebakaran berkenaan melibatkan perkakas kedai di bahagian bawah dengan anggaran kemusnahan hanya 15 peratus.

“Tiada mangsa terlibat dan operasi tamat sepenuhnya pada jam 5.42 pagi,” katanya.